

17 FEB 2003

S'pura-Goh/I

GOH SIFATKAN DR MAHATHIR 'BIJAK REKA CERITA'

SINGAPURA, 17 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong menyifatkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai 'seorang doktor yang bijak mereka-reka cerita' ekoran pendedahan oleh pemimpin Malaysia itu bahawa Goh membantah cadangan membina sebuah jambatan baru menghubungkan kedua-dua negara.

"Saya berpendapat beliau mereka cerita dengan baik. Kita di Singapura tidak pandai mereka cerita. Kita lebih suka kepada pendekatan yang serius," kata Goh pada satu perhimpunan di sini semalam.

Ucapannya itu yang dilaporkan oleh akhbar Straits Times hari ini dibuat sehari selepas Kementerian Luar Singapura menyangkal satu kenyataan Dr Mahathir pada Jumaat lepas, dan menganggap Perdana Menteri Malaysia itu sebagai "seorang penglipur lara" berikutan pendedahannya bahawa Goh tidak bersetuju jambatan baru dibina bagi menggantikan Tambak Johor kerana Goh mempunyai perasaan nostalgia terhadap tambak itu.

Jumaat lepas, Dr Mahathir mengumumkan Malaysia akan tetap melaksanakan pembinaan jambatan baru itu di bahagian sebelah Johor walaupun beliau diberitahu oleh Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew bahawa Goh tidak bersetuju mengenai projek itu.

"Kerana dia (Goh) mempunyai perasaan nostalgia terhadap Tambak Johor, beliau (Lee) berkata kita (Malaysia dan Singapura) bolehlah membina jambatan itu selepas Goh Chok Tong bersara...inilah yang diberitahu (oleh Lee) kepada saya," kata Dr Mahathir.

Goh berkata pendekatan Singapura terhadap perbalahan dua hala "mudah saja".

Katanya walaupun perbincangan berlarutan selama empat tahun, jurang antara kedua-dua negara tidak juga rapat sebaliknya semakin luas selepas setiap pusingan.

Itulah sebabnya, menurut Straits Times dalam laporan muka depannya itu, Singapura membuat keputusan bahawa tidak ada gunannya perbincangan lanjut diadakan dan menyatakan kesediaannya merujuk kepada pihak ketiga, untuk timbang tara, permintaan Malaysia menaikkan harga air mentah daripada 3 sen bagi setiap 1,000 gelen.

"Dengan itu, kita bolehlah memberi tumpuan kepada isu lebih besar seperti kerjasama ekonomi dan tindakan memerangi keganasan," kata Goh.

Menurut Straits Times, Goh enggan terbabit dalam apa yang disebutnya sebagai "akrobatik lisan" dengan Dr Mahathir kerana tidak mahu mewujudkan satu lagi keadaan tidak menentu dalam hubungan dengan Malaysia.

"Sekarang bukan masanya untuk mengalih perhatian rakyat kita...yang penting ialah keadaan tidak menentukan yang kita sedang hadapi," katanya.

Goh berkata bahawa oleh kerana Malaysia menolak untuk membincangkan isu-isu dua hala yang tertungak sebagai satu pakej, Singapura tidak akan berganjak dalam pendiriannya berhubung jambatan itu.

-- BERNAMA

SS MAI